

# **GAP 3**

## **RANGSANGAN**



# RANGSANGAN

## APA ITU RANGSANGAN

**Kaedah meningkatkan hasil lateks dengan menggunakan bahan kimia untuk :**

- Memanjangkan tempoh pengaliran lateks
- Melewatkan pembekuan lateks

## TUJUAN RANGSANGAN

- Meningkatkan produktiviti
- Menambah pendapatan

## IMPAK RANGSANGAN

**Hasil menokok 15% - 47% bergantung kepada:**

- Klon pokok
- Umur pokok
- Pembajaan

## PRASYARAT PENGGUNAAN BAHAN RANGSANGAN

- ☞ Pokok yang subur
- ☞ Pokok tidak berpenyakit
- ☞ Pembajaan mencukupi
- ☞ Pokok klon
- ☞ Pokok matang

## CONTOH KIRAAN PERBANDINGAN HASIL PENDAPATAN

### Tanpa rangsangan

1 pokok = 30 g/t/t  
1 bulan = 12 hari menoreh  
= 30 x 12 = 360 gram

SMR 20 = RM5.00/kg  
Pendapatan 1 pokok / bulan  
= 360 gram x 5.00/kg  
= RM 1.80

1 hektar = 500 pokok  
Pendapatan sehektar  
sebulan = 500 x RM 1.80  
= RM 900

### Dengan rangsangan

1 pokok = 40g/t/t  
1bulan = 12 hari menoreh  
= 40 x 12 = 480 gram

SMR 20 = RM5.00/kg  
Pendapatan satu pokok / bulan  
= 480 gram x RM 5.00/kg  
= RM2.40

1 hektar = 500 pokok  
pendapatan sehektar  
sebulan = 500 x RM2.40  
= RM 1,200

Perbezaan pendapatan sehektar dengan menggunakan bahan rangsangan = RM 300

## JENIS BAHAN RANGSANGAN CECAIR




1. CECAIR MORTEX



2. CECAIR ETEFON

## JENIS BAHAN RANGSANGAN GAS



1. RRIMFLOW



2. REACTORRIM




3. G-FLEX

## CARA PENGGUNAAN BAHAN RANGSANGAN CECAIR



Rangsangan dengan menyapu etefon pada kulit, alur dan panel yang disyorkan untuk Sistem Torehan Berintensiti Rendah, kekerapan torehan selang lima hari, iaitu LITS d/6.



Rangsangan dengan menyapu etefon pada jejala yang disyorkan untuk Sistem Torehan Konvensional ( $1/2s$ ) dengan kekerapan torehan  $d/3$  dan  $d/4$

### FAKTOR-FAKTOR KEJAYAAN PENGGUNAAN ETEFON

- Pokok mestilah subur dan dibaja dengan cukup mengikut jadual.
- Alur torehan tidak melebihi setengah lilitan.
- Pokok mestilah berdaun hijau tua, matang dan keras.
- Elakkan penggunaan rangsangan pada musim daun luruh dan daun muda.
- Penyapuan bahan pengalok mestilah dijalankan pada hari panas.
- Bahan pengalok etefon bertindak enam jam selepas disapu, jika hujan sebelum tempoh tersebut hendaklah disapu semula.

# SYOR PENGGUNAAN ETEFON DAN MORTEX

## JADUAL 1 : SYOR PENGGUNAAN ETEFON DAN MORTEX

PANEL TOREHAN	UMUR POKOK (TAHUN)	KEPEKATAN ETEFON	PANJANG & KEKERAPAN TOREHAN	Kekerapan Aplikasi
BO-1	5-10	ET 1.5 %	1/2S d/3@d/4	2-3 kali/tahun
BO-2	10-15	ET 2.5 %	1/2S d/3@d/4	4-6 kali/tahun
BI-1	12-20	ET 3.3 %	1/2S d/3@d/4	6-8 kali/tahun
BI-2	>20 Tahun	ET 5.0 %	1/2S d/3@d/4	8-9 kali/tahun

### Nota :

- I. Etefon digunakan dari kepekatan dan kekerapan rendah (2 kali/tahun) ke tinggi (9 kali/tahun) secara berperingkat.
- II. Etefon kepekatan ET10% digunakan 1-2 tahun sebelum pokok getah di tanam semula.

## JADUAL 2: SYOR PENGGUNAAN ETEFON DAN MORTEX MENGIKUT PANEL TOREHAN

PANEL TOREHAN	KEPEKATAN MORTEX	PANJANG & KEKERAPAN TOREHAN	KEKERAPAN APLIKASI
BO-1	MORTEX 25	1/2S d/3@d/4	6-8 kali/tahun
BO-2	MORTEX 25	1/2S d/3@d/4	8-9 kali/tahun
B1-1	MORTEX 50	1/2S d/3@d/4	9-10 kali/tahun
BI-2	MORTEX 50	1/2S d/3@d/4	9-10 kali/tahun